

METODOLOGI PERUMIAN KITAB-KITAB KLASIK, KAJIAN TERHADAP KITAB TAFSIR *NUR AL-IHSAN*

Luqman Hakeem Rusdi
Kolej Universiti Islam Melaka

ABSTRAK

Kitab Tafsir *Nur al-Ihsan* didatangkan dengan skrip tulisan Jawi klasik yang sukar untuk dibaca apatah lagi difahami oleh masyarakat kini. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mendedahkan metodologi perumian dan pentahqiqan terhadap kitab klasik di alam Nusantara ini. Tumpuan kajian dijalankan dengan merumi terhadap kitab Tafsir *Nur al-Ihsan*. Kajian ini dijalankan dengan kaedah kepustakaan, analisis data terhadap buku-buku, makalah, artikel yang berkaitan dengan kitab-kitab klasik umpama kitab Tafsir *Nur al-Ihsan* yang ditulis oleh Haji Muhammad Sa'id, Mufti Kedah. Hasil kajian ini mendapat Sistem Ejaan Rumi Baru Bahasa Malaysia 1972 menepati untuk merumikan teks kitab berkenaan, beberapa kaedah perumian juga turut diperolehi disamping pembetulan-pembetulan terhadap baris ayat al-Qur'an dan teks kitab berkenaan. Kesimpulan daripada kajian ini adalah kaedah Sistem Ejaan Rumi Baru Bahasa Melayu 1972 amat sesuai digunakan untuk merumikan teks Jawi kitab-kitab Melayu klasik, disamping memberikan nafas baru ianya juga menjadi lebih mudah dibaca dan difahami oleh generasi pada masa kini.

Kata kunci: Perumian, Kitab Tafsir *Nur al-Ihsan*, SERBBM 197

THE METHODOLOGY OF ROMANIZATION CLASSICAL BOOK, THE STUDY ON THE EXEGESIS NUR AL-IHSAN

ABSTRACT

The Kitab Tafsir Nur al-Ihsan is written using classical Malay Jawi script. It is difficult to be read and understood by modern Malays nowadays. The objective of this study is to convert the text from Jawi script to Roman script, to seek a suitable method to Romanize such a classical exegesis as Tafsir Nur al-Ihsan, and to analyze the words that are derived from Arabic terms, juristic terms and classical Malay language. This study of the Romanization is implemented, relying on qualitative research design, involving document analysis method. The main research material is the Kitab Tafsir Nur al-Ihsan written by Haji Muhammad Sa'id, Mufti of The State of Kedah in the 20th century AD. This study results in a complete Romanized text of the Kitab Tafsir Nur al-Ihsan. Besides, it is found that the use of Romanization technique derived from Dewan Bahasa dan Pustaka, i.e. Sistem Ejaan Rumi Bharu Bahasa Malaysia 1972 (SERBBM), adopting Pedoman Umum Ejaan Jawi Rumi DBP is suitable and accurate to Romanize such classical Kitabs as Tafsir Nur al-Ihsan.

Keyword: Romanization, Kitab Tafsir Nur al-Ihsan, SERBBM 1972

PENGENALAN

Perumian adalah satu proses mengalih tulisan iaitu daripada tulisan Jawi kepada tulisan Rumi. Di dalam proses untuk merumikan terhadap *Tafsir Nur al-Ihsan*, penulis cenderung untuk menggunakan metodologi tertentu, iaitu sistem ejaan dan tulisan yang menggunakan kaedah penulisan mengikut *Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (2001), rasional pemilihan buku ini adalah kerana kandungan di dalamnya memuatkan sistem ejaan dan tulisan terkini bahasa Malaysia yang mana mengikut *Pedoman Umum Ejaan Rumi Baru Bahasa Malaysia (PUEBBM)* 1972. Selain mendatangkan definisi perumian, sistem ejaan dan sistem penulisan bahasa Melayu Rumi, dalam kajian ini juga disertakan maklumat ataupun metodologi perumian yang kesemuanya berteraskan kepada buku-buku terkini terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERUMIAN

Menurut peristilahan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2010) edisi keempat, *rumi* bermaksud huruf atau abjad dalam bahasa Melayu dan bahasa moden yang lain yang bermula dengan huruf A dan berakhir dengan huruf Z, yang berasal daripada kerajaan Rom Kuno, huruf Romawi, huruf Roman, huruf Latin. Manakala istilah *merumikan* pula merujuk kepada menyalin mahupun menulis ke dalam tulisan Rumi, *perumian* pula merujuk kepada perihal merumikan tulisan, sebagai contoh merumikan tulisan Jawi. Setelah kita melihat pentakrifan-pentakrifan terhadap maksud perkataan rumi diatas, maka menurut pandangan penulis, perumian disini adalah bermaksud satu proses mengalih tulisan daripada tulisan Jawi kepada tulisan Rumi terhadap kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* dengan menggunakan metodologi tertentu tanpa mengubah dan menukar makna dan isi kandungannya disamping memperbaiki ejaan-ejaan yang tersalah dan memberikan kefahaman setelah ianya dirumikan, proses perumian ini juga sedikit sebanyak memperbaiki lagi sistem ejaan yang disesuaikan mengikut sistem tulisan bahasa Malaysia masa kini.

SISTEM EJAAN BAHASA MELAYU (JAWI-RUMI)

Pada peringkat permulaan, usaha-usaha transliterasi Jawi-Rumi telah dilakukan oleh beberapa orang sarjana terhadap tulisan Jawi klasik dalam sebahagian daripada naskhah-naskhah Melayu ciptaan abad ke-16 hingga ke-18. Daripada penelitian dan penerbitan semula manuskrip-manuskrip, antara lain oleh C.O. Blagden¹ (1930-1932), Ph.S. van Ronkel² (1908), W.G. Shellabear (1898) dan G.W.J. Drewes (1955), sekadar contoh dapatlah dilihat disini tiga jenis transliterasi Rumi daripada Jawi klasik iaitu: (Ismail Dahaman, 2007:222)

- i. Ejaan Rumi menurut kaedah ejaan Belanda yang terdapat dalam glosari Elbinck tahun 1604.
- ii. Ejaan Rumi menurut kaedah ejaan Inggeris dalam transliterasi daripada surat Ternate tahun 1521 dan 1522 serta manuskrip-manuskrip abad ke-17 yang diselenggarakan oleh Shellabear (1898).
- iii. Ejaan Rumi bahasa Indonesia dalam transliterasi daripada surat Aceh tahun 1600 dan transliterasi teks Burda.

¹Manuskrip yang diterbitkan oleh beliau ialah dua pucuk surat yang dipercayai surat dalam tulisan Jawi yang tertua pernah ditemukan iaitu surat dengan nama Sultan Abu Hayat dari Ternate yang bertarikh 1521, beliau menyiarkan fotograf kedua-dua dokumen tersebut dengan transliterasi Rumi beserta terjemahan bahasa Inggeris.

² Antara manuskrip-manuskrip Jawi ciptaan abad ke-17 yang diterbitkan oleh beliau termasuklah sepucuk surat perjanjian tentang harga lada yang ditulis di Aceh pada tahun 1600. Fotografi teksnya yang asal yang mengandungi lebih kurang 135 perkatan dalam 14 baris diterbitkan bersama-sama transliterasi Rumi dengan ejaan bahasa Indonesia.

Dari sinilah bermulanya titik tolak permulaan di mana proses perumian mula dilakukan dari hari ke hari. Oleh itu, di dalam merumikan kitab *Tafsir Nur al-Ihsan*, perlunya satu metodologi atau lebih tepat lagi satu sistem ejaan yang praktikal dan terkini untuk merumikan teks-teks kitab tafsir yang tersedia dengan skrip tulisan Jawi klasik. Terdapat beberapa sistem yang telah tersedia dicipta diantaranya ialah:

Sistem Ejaan Rumi Wilkinson (1904)

Sistem Ejaan Rumi Wilkinson yang digunakan secara rasmi di semua sekolah umum adalah sama dan seragam dengan semua yang digunakan dalam kamus dan penerbitan karangan Wilkinson sendiri yang dihasilkan dari tahun 1901 hingga akhir tahun 1940-an (Asmah Omar, 2008:92). Pedoman Ejaan Rumi Wilkinson dihasilkan berdasarkan Kamus Jawi-Melayu-Inggeris yang disusun olehnya pada tahun 1903. Wilkinson mengambil pendekatan transliterasi daripada Jawi kepada Rumi sebagai kaedah perumian bunyi-bunyi Melayu. (Ismail Dahaman, 2007:245). Dalam kaedah ini penulis melihat bahawasanya sistem ini tidak sesuai di gunakan untuk merumikan kitab *Tafsir Nur al-Ihsan*, memandangkan ianya dicipta berdasarkan bunyi dan ejaan sebutan Inggeris.

Sistem Ejaan Rumi Za’ba (1940)

Sistem ejaan tersebut yang sekarang ini dikenali sebagai “Sistem Ejaan Rumi Za’ba” walaupun mempunyai beberapa kelemahan, telah digunakan secara meluas di sekolah-sekolah dan dalam urusan rasmi di tanah air sejak tahun-tahun 40-an lagi. (Asmah Omar, 2008:92). Sistem ejaan Rumi Za’ba terus digunakan sehinggalah sistem ejaan Rumi bahasa Melayu dikaji semula dan diselaraskan pada awal tahun 70-an. (Ismail Dahaman, 2007:257). Sistem ejaan Za’aba dilihat merupakan satu sistem yang terkehadapan berbanding dengan sistem ejaan Wilkinson kerana ianya dicipta oleh orang Melayu walaupun mempunyai beberapa kelebihan dari segi pengejaannya berbanding Ejaan Wilkinson, namun ianya juga tidak dirasakan sesuai untuk dijadikan sistem bagi kajian terhadap kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* ini.

Sistem Ejaan Rumi Fajar Asia (1943)

Ejaan Rumi yang dikenali Ejaan Fajar Asia ialah kaedah ejaan yang terpakai dalam majalah dwi mingguan Fajar Asia yang diterbitkan di Singapura bermula tahun 1943 di bawah Zainal ‘Abidin bin Ahmad sebagai ketua pengarang. Ejaan ini digunakan pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu, selepas berakhir pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada 1945 dan Tanah Melayu kembali kepada pemerintahan British, ejaan ini terhenti penggunaannya dan Ejaan Za’ba digunakan. (Asmah

Omar, 2008:93). Grafem yang digunakan dalam Fajar Asia menunjukkan sedikit perbezaan sahaja daripada yang terdapat dalam sistem ejaan Wilkinson dan dalam sistem ejaan Za’ba. (Ismail Dahaman, 2007:290). Walaupun sistem ejaan ini dilihat lebih baik berbanding Ejaan Wilkinson dan Ejaan Za’ba dari sudut grafem, namun ianya juga tidak menepati untuk digunakan sebagai sistem ejaan di dalam kajian terhadap *Tafsir Nur al-Ihsan*, kerana ianya masih lagi tidak mempunyai pedoman dan transliterasi yang konsisten.

Sistem Ejaan Rumi Bahasa Malaysia (1972)

Puncak daripada segala kegiatan penyempurnaan sistem ejaan Rumi ialah perumusan dan pelaksanaan ejaan Rumi baru bagi bahasa Melayu dan bahasa Indonesia tahun 1972. Ejaan Rumi baru yang terkenal dengan nama *Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia (SERBBM)* di Malaysia dan *Pedoman Edjaan Bahasa Indonesia Jang Disempurnakan (PEBIJD)* di Indonesia itu ialah hasil daripada perancangan bahasa pada peringkat supranasional dalam bidang ejaan, iaitu salah satu langkah permulaan dalam bidang perancangan bahasa bagi negara-negara yang berbahasa Melayu di rantau ini. (Ismail Dahaman, 2007:353). Penulis melihat *Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia 1972 (SERBBM)* ini merupakan satu sistem yang sesuai untuk digunakan di dalam penyempurnaan kajian terhadap kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* ini kerana ianya lengkap dan terkini diantara kesemua sistem-sistem yang ada.

SISTEM EJAAN RUMI BARU BAHASA MALAYSIA 1972 (SERBBM)

Penulis cenderung untuk menggunakan *Sistem Ejaan Rumi Baru Bahasa Malaysia 1972 (SERBBM)* untuk merumikkan teks-teks kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* ini. Relevan pengambilan *Sistem Ejaan Rumi Baru Bahasa Malaysia 1972 (SERBBM)* ini sebagai metodologi perumian terhadap kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* adalah penulis menganggapnya sebagai satu sistem ejaan yang lengkap dan sempurna. Ianya mempunyai suatu sistem ejaan, iaitu aturan-aturan ejaan dan pengejaan yang kebaikannya mengatasi semua sistem ejaan Rumi yang ada sebelum ini. (Ismail Dahaman, 2007:354). Selain daripada itu, *SERBBM* adalah satu sistem terbaik di Malaysia di bawah olahan dan pantauan Dewan Bahasa dan Pustaka kerana ianya disusun dan segala sistemnya diolah berdasarkan kepada *Pedoman Umum Ejaan Baru Bahasa Malaysia (PUEBBM)*³, dan segala senarai lengkap pengejaan kata diterbitkan dalam *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia (DERBM)* oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1981.

PADANAN HURUF JAWI-RUMI

Diantara permasalahan untuk merumikkan sesuatu ejaan adalah ketiadaan satu sistem pedoman ataupun padanan yang sesuai atau disesuaikan dengan bunyi sesuatu vokal dan abjad. Untuk merumikkan kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* yang tersedia dengan sistem tulisan Jawi maka perlunya diketahui padanan ejaan Jawi-Rumi yang terkini. Sesungguhnya abjad Jawi bahasa Melayu sekarang mengandungi 37 huruf bentuk tunggal yang tersusun sebagaimana Jadual 3.1: (DBP, 2008:78-79)

³Pedoman Umum Ejaan Baru Bahasa Malaysia adalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka bagi pihak Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, cet.1, 1975, hlm.54.

Jadual 3.1 Padanan Huruf Jawi-Rumi

Huruf Jawi	Nama	Padanan Rumi
ا	Alif	a
ب	Ba	b
ت	Ta	t
ة	Ta marbutah	t/h
ث	Sa (tha)	s, (th)
ج	Jim	j
ه	Ca	c
ح	Ha (ha)	h, (h)
خ	Kha (khO)	kh
د	Dal	d
ذ	Zal (Dhal)	z, (dh)
ر	Ra (rO)	r
ز	Zai	z
س	Sin	s
ش	Syin	sy, (sh)
ص	Sad (sOd)	s, (s)
ض	Dad (dOd)	d, (d)
ط	Ta (tO)	t, (t)
ظ	Za (zO)	z, (z)
ع	Ain (fain)	awal:a,i,u akhir:k, (')
ڠ	Ghain	gh
ڽ	Nga	ng
ڡ	Fa	f
ڣ	Pa	q
ڧ	Qaf	k,q, (q)
ڴ	Kaf	g
ۼ	Ga	l
ڶ	Lam	m
ڻ	Mim	n
ڻ	Nun	w,u,o
ڻ	Wau	v
ڻ	Va	h
ڻ	Ha	h
ڻ	Hamzah	awal:gugur
ڻ	Ya	akhir:k,(')
ڻ	Ye (ye)	y,i,e taling
ڻ	nya	e pepet akhirny

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka 2001

Catatan 1: Huruf di dalam tanda kurung ialah padanan untuk transliterasi huruf Arab kepada huruf Rumi dan padanan untuk mengeja istilah khusus daripada bahasa Arab.

Catatan 2: Huruf ئ (ta marbutah) disepadankan dengan huruf Rumi *h* dan *t*, dan *t* bagi padanan transliterasi. (DBP, 2001:71-72)

METODOLOGI PERUMIAN JAWI-RUMI

Sesungguhnya di dalam membuat padanan huruf dan cara menulis ejaan terhadap tulisan Jawi dalam kitab *Tafsir Nur al-Ihsan*, didapati secara keseluruhannya ianya sesuai dengan padanan-padanan huruf Jawi-Rumi sebagaimana padanan diatas, namun terdapat beberapa permasalahan di dalam memadangkan huruf-huruf Jawi yang kadangkala boleh mempunyai dua padanan huruf Rumi, ataupun boleh membawa kepada makna dan sebutan yang lain. Diantara cara penulisan perumian yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Perumian terhadap Huruf *Hamzah*

Perumin huruf-huruf yang melibatkan huruf *hamzah* yang ditulis sebagai pemisah antara dua huruf vokal ketika mana ditulis di dalam tulisan Jawi, maka padanan Rumi bagi *hamzah* samada *ai, au* dan *ui*, di tengah kata yang berpola KVVK. Contohnya sebagaimana Jadual 3.2:

Jadual 3.2 Perumian huruf hamzah

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
قاءيس	pais
عاءيب	aib
فؤس	paus
بو عيه	buih
غاءيب	ghaib

i) **Istilah Serapan daripada Bahasa Arab**

Istilah serapan ialah istilah ataupun kata atau perkataan atau istilah serapan yang berasal daripada bahasa Arab yang mengandungi huruf *hamzah* ditulis seperti kedudukannya dalam bahasa sumber. Contohnya sebagaimana Jadual 3.3:

Jadual 3.3 Istilah serapan daripada bahasa Arab

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
وضوء	wuduk
املاء	imlak
اخفاء	ikhfak
أنبياء	anbia
مؤمنون	makkum

ii) **Huruf *hamzah* yang bertemu huruf vokal *alif waw* dan *ya***

Huruf *hamzah* yang bertemu huruf vokal *alif*, *waw* dan *ya* di tengah kata terutamanya kata terbitan dan kata majmuk, maka padanan Rumi yang sesuai adalah dengan memadankannya dengan ejaan *ai*, *au* dan *ui*. Contohnya sebagaimana Jadual 3.4:

Jadual 3.4 Huruf hamzah bertemu vokal alif, waw dan ya

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ستياعوسها	setiausaha
يأيت	iaitu
تاتاؤسها	tatausahaan
قچأيندرا	pancaindera

Huruf *ta-marbutah* dalam Kata Serapan daripada Bahasa Arab

Huruf *ta-marbutah* iaitu ة (huruf *ta* simpul), dalam kata serapan daripada bahasa Arab melambangkan fonem [t] atau [h] sebagai kelainan sebutan (sekiranya kelainan sebutan tidak membezakan makna). Contohnya sebagaimana Jadual 3.5:

- i) Bunyi [t] dengan ejaan *ta marbutah* (ة):

Jadual 3.5 Huruf ta marbutah

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
عادة	adat
عورة	aurat
طبيعة	tabiat

- ii) Bunyi [h] dengan ejaan *ta marbutah* (ة):

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
فاتحة	fatihah
مدرسة	madrasah
سورة	surah

- iii) Bunyi [t] atau [h] dengan ejaan *ta marbutah* (ة):

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
عاقبة	akibat/akibah
هدایة	hidayat/hidayah
كيفية	kaifiyat/kaifiah
مصيبة	musibat/musibah

Pengejaan Kata Serapan daripada Bahasa Arab

Di dalam kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* sememangnya terdapat banyak penggunaan perkataan-perkataan yang diambil daripada bahasa Arab. Justeru itu, untuk memudahkan pengalihan tulisan daripada Jawi (Arab) kepada Rumi, satu kaedah untuk mengeja kata serapan daripada bahasa Arab yang berupa istilah khusus adalah dengan dieja seperti ejaaan asal dalam bahasa Arab. Contohnya sebagaimana Jadual 3.6:

Jadual 3.6 Pengejaan kata serapan daripada bahasa Arab

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
وضوء	wuduk
وقوف	wuquf
تيم	tayamum
سجود	sujud
زكاة	zakat
حديث	hadith (hadith)

Selain itu juga huruf *alif maqsurah* (ا) yang melambangkan bunyi vokal [a] dalam ejaan asal bahasa Arab dikenalkan demikian dalam ejaan Jawi dan dieja dengan vokal [a] dalam Rumi. Contohnya:

Ejaan asal Arab	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
موسى	موسى	Musa
عيسى	عيسى	Isa
الله تعالى	الله تعالى	Allah ta'ala
دُعْوَى	دُعْوَى	dakwa
فُتُورِي	فُتُورِي	fatwa
تَقْوَى	تَقْوَى	takwa

Penulisan Kata Ulang

Di dalam kitab *Tafsir Nur al-Ihsan*, terdapat banyak kata ulang yang digunakan oleh pengarang di dalam memberikan penerangan dan penafsirannya terhadap ayat-ayat al-Quran, maka metodologi penulisan di dalam menukar perkataan-perkataan yang diulang adalah seperti Jadual 3.7:

- i) Kata ulang penuh ditulis dengan menggunakan tanda angka dua Arab, iaitu (۲) dalam Jawi manakala untuk tulisan Rumi iaanya ditulis dengan tanda sempang (-). Kata ulang penuh termasuklah kata ulang semu dan kata ulang jamak. Penulisan kata ulang semu adalah seperti berikut:

Jadual 3.7 Penulisan kata ulang.

Tulisan Jawi	Tulisan Rumi
اناي ۲	Anai-anai
لابه ۲	Labah-labah
سيا ۲	Sia-sia
کوچو ۲	Kupu-kupu
لابی ۲	Labi-labi
سومقه ۲	Sumpah-sumpah

- ii) Penulisan kata ulang jamak adalah seperti contoh berikut:

Jadual 3.7 Penulisan kata ulang.

Tulisan Jawi	Tulisan Rumi
باءيق ۲	Baik-baik
بوکو ۲	Buku-buku
انق ۲	Anak-anak
ولخ ۲	Ulang-ulang
تیف ۲	Tiap-tiap
بسر ۲	Besar-besar

- iii) Apabila bahagian kata yang diulang itu berubah bentuknya, tanda sempang digunakan sebagai tanda ulangan di dalam tulisan Rumi dan bukannya dengan menggunakan teknik penomboran (2) atau ditulis dengan menyambungan terus sebagaimana yang digunakan dalam Jawi lama khususnya di dalam kitab *Tafsir Nur al-Ihsan*. Kata ulang jenis ini termasuklah kata ulang berimbuhan dan kata ulang berentak. Contoh-contoh adalah sebagaimana berikut:

1.7 Penulisan kata ulang.

Tulisan Jawi	Tulisan Rumi
آخر٢ن	Akhir-akhirnya
برجالن٢	Berjalan-jalan
مودهمن	Mudah-mudahan
سِتمات	Semata-mata
سللما	Selama-lama
برجيتا٢	Bercita-cita
براڠن٢	Berangan-angan
داولڠ٢	Diulang-ulang

Penulisan Gabungan Kata

Seterusnya selain daripada itu juga, terdapat satu sistem tulisan Jawi di dalam kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* yang mana apabila ianya dirumikan nanti tidak menepati sistem tulisan bahasa Melayu masa kini, sebagaimana yang telah dikemaskinikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Maka dengan itu, satu sistem telah dibuat dengan meletakkan kata-kata bebas yang membentuk rangkai kata umum, termasuk rangkai kata istilah khusus dan kata majmuk, ditulis terpisah antara satu sama lain. Contohnya sebagaimana Jadual 3.8:

Jadual 3.8 Penulisan gabungan kata.

Tulisan Jawi	Tulisan Rumi
أوليڪامو	Oleh kamu
مريڪتٌ مريڪتله	Mereka itu/ mereka itulah
لفسڪندىٰ معصيڪندي	Lepaskan dia/ maksiatkan dia
اكاندڪوا دنلاڪي	Akan dikau/ dan lagi
يغترڪلينچر	Yang tergelincir
يغددوق	Yang duduk
يُثْمَقْت	Yang empat

Bagi tulisan-tulisan seperti diatas maka penulis cenderung untuk memisahkannya, walaupun tulisan asal dalam tulisan Jawi dalam kitab *Tafsir Nur al-Ihsan* ditulis dengan bersambung, begitu juga terhadap kata yang menggunakan ‘yang’ (يُغ), ditulis dengan renggang iaitu tidak disambungkan sebagaimana contoh diatas.

Penulisan Kata Ganti Singkat

Terdapat empat kata ganti singkat iaitu *kau*, *ku*, *mu* dan *nya*, yang kesemuanya merupakan bentuk terikat dalam Ejaan Rumi Baru (ERB). Terdapat dua cara menulis bentuk-bentuk ini iaitu:

- i) Perkataan *ku*, *kau* dan *nya* yang berfungsi sebagai akhiran ditulis serangkai dengan kata yang mendahuluinya, contohnya: *rumahku*, *rumahmu*, *rumahnya*, *menemuiku*, *menemuinya*, *menemuimu*, *daripadaku*, *daripadanya*, *daripadanmu*.
- ii) Huruf pertama pada *mu* dan *nya* yang berfungsi sebagai ganti nama Tuhan ditulis dengan huruf besar dan disempangkan daripada kata yang mendahuluinya, misalnya: *hamba-Mu*, *rahmat-Nya*, *perlindungan-Nya* dan lain-lain.

Penulisan Partikal

Partikal yang ditetapkan aturan tentang cara penulisan dalam ERB ialah *lah*, *kah*, *tah* dan *pun*. Dalam *PUEBM* ketiga-tiga *lah*, *kah* dan *tah* disatukan dengan kata yang mendahuluinya tanpa menggunakan tanda sempang seperti dalam ejaan Za'aba, misalnya: *adalah*, *ambilah*, *apakah*, *kenapakah* dan *bilakah*. *PUEBM* menetapkan dua cara menulis partikel *pun* yang berdasarkan fungsinya. Partikel *pun* yang ditulis terpisah daripada kata yang mendahuluinya ialah *pun* yang pada mulanya berfungsi atau bererti "juga", misalnya: "*Apa pun boleh terjadi*." dan "*Dia pun pergi*". *Pun* yang diserangkaikan dengan kata yang mendahuluinya ialah yang berfungsi sebagai komponen yang membentuk kata hubung yang terhad bilangannya yang dalam *PUEBM* disenaraikan sejumlah 13 kata, termasuk *adapun*, *ataupun*, *bagaimanapun*, *sungguhpun* dan *walaupun*.

Penulisan Huruf

Di dalam merumuskan aturan tentang penulisan huruf besar (huruf kapital) dan huruf miring (huruf italik atau huruf condong), penulis akan menggunakan tulisan condong atau italik terhadap kalimah-kalimah bahasa Arab, kalimah-kalimah bahasa Arab yang telah terasimilasi dengan bahasa Melayu dan termuat di dalam Kamus Dewan tidak ditulis dengan condong bahkan hanya ditulis seperti biasa dan hanya menggunakan transliterasi Arab/Jawi-Rumi untuk memudahkan ianya disebut. Terhadap penulisan huruf besar, penulis cenderung menggunakan seperti kebiasaannya sebagaimana yang terdapat pada *Sistem Ejaan Bharu Bahasa Malaysia* yang berpandukan kepada buku *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia*, umpamanya seperti berikut: (PUEBM, 1987:11-14)

- i) Huruf besar digunakan bagi huruf pertama kata awal ayat.
- ii) Huruf besar digunakan sebagai huruf pertama petikan langsung.
- iii) Huruf besar digunakan sebagai huruf pertama dalam ungkapan yang berhubungan dengan kitab suci dan nama Allah, termasuk kata ganti untuk Allah.
- iv) Huruf besar digunakan sebagai huruf pertama gelaran kehormatan, keturunan dan keagamaan yang diikuti nama orang seperti *Nabi Muhammad, Imam Syafi'e* dan lain-lain.
- v) Huruf besar digunakan sebagai huruf pertama unsur nama orang, seperti: *Khalid al-Walid, Siti A'isyah, Ummu Salamah, Abdullah bin Salam* dan lain-lain.
- vi) Huruf besar digunakan sebagai huruf pertama nama bangsa, suku bangsa dan bahasa, seperti: *bangsa Melayu, kaum Quraisy, bani Quraizah, bani Jan* dan lain-lain.
- vii) Huruf besar digunakan sebagai huruf pertama nama tahun, bulan, hari, hari raya dan peristiwa sejarah seperti: *tahun Hijrah, tarikh Masehi, bulan Ogos, bulan Maulud, hari Jumaat* dan lain-lain.

Tanda Baca

SERBBM juga mengandungi rumusan tentang aturan penggunaan tanda baca yang dianggap sebagai satu komponen penting dalam sistem ejaan bahasa Melayu. Terdapat sejumlah 16 jenis tanda baca sebagaimana yang terdapat di dalam *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu (PUEBM)*, tanda-tanda baca tersebut adalah: tanda titik (.), tanda koma (,), tanda koma bertitik (;), tanda titik bertindih (:), tanda sempang (-), tanda pisah (-), tanda elipsis (...), tanda tanya (?), tanda seru (!), tanda kurung ((...)), tanda kurung siku ([...]), tanda petik ("..."), tanda petik tunggal ('...'), tanda garis miring (/), dan tanda penyingkat ('). (DBP, 2007:385). Di dalam kitab *Tafsir Nur al-Ihsan*, sememangnya hampir kesemua teks tidak diletakkan tanda baca khususnya tanda titik dan koma yang mana ianya menyukarkan untuk pembacaan dan pemahaman, justeru itu kajian ini akan meletakkan tanda baca khususnya tanda titik dan koma dan tanda-tanda yang lain yang dirasakan perlu.

KESIMPULAN

Sesungguhnya penggunaan *Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia 1972 (SERBBM)* di dalam kajian perumian ini adalah kerana ianya merupakan satu sistem terkini dan terbaik yang mana ianya diadaptasi dan merupakan satu sistem penambahbaikan daripada sistem-sistem yang ada di Malaysia khususnya terhadap *Sistem Ejaan Rumi Za'ba*. Selain daripada itu juga, pemilihan *SERBBM 1972* adalah disebabkan ianya mengandungi satu pedoman khusus iaitu *Pedoman Umum Ejaan Baharu Bahasa Melayu (PUEBBM)* yang mana ianya disusun dan diolah berdasarkan pedoman tersebut, dan segala senarai lengkap perkataan dimuatkan di dalam *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Melayu (DERBM)* disamping menggunakan pedoman umum ejaan Jawi-Rumi yang telah sedia terdapat di dalamnya.

BIODATA PENULIS

Luqman Hakeem b Rusdi memperoleh Ijazah Sarjana Al-Quran dan Al-Sunnah (Hadith) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Al-Quran dan As-Sunnah) dengan kepujian dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini berkhidmat sebagai pensyarah Akademi Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Melaka

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Asmah, Omar, *Ensiklopedia Bahasa Melayu*, 2008, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi), 2001, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi), 2008, edisi kedua, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Ejaan Rumi-Jawi, 1988, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Ejaan Rumi Baru, 1991, Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Hashim, Hj Musa. 1999. *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, Dahaman. 2007. *Ejaan Rumi Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Sa'id, 1391H. *Tafsir Nur al-Ihsan*, Maktabah wa Matbuah al-Hadi wa Auladuhu
- Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia*, 1987, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan*, 1986, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka